

4 kolam takungan di Klang

SHAH ALAM – Kerajaan Negeri bercadang membina sekurang-kurangnya empat kolam takungan dengan anggaran peruntukan RM20 juta bagi mengatasi masalah banjir di Klang.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Sri Muda, Shuhaimi Shafiei berkata, kolam berkenaan akan mula dibina pada bila-bila masa dan telah mendapat kelulusan Majlis Perbandaran Klang (MPK) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

Menurutnya, peruntukan RM5.8 juta diserahkan kepada MPK manakala selebihnya kepada JPS bagi mengatasi banjir di beberapa kawasan terlibat termasuk Johan Setia, Bukit Naga, Bandar Puteri, Bandar Putera, Sri Sentosa dan beberapa kawasan di sekitarnya.

“Kita telah mengenal pasti 11 kawasan kerap dilanda banjir melibatkan tiga Dewan Undangan Negeri (Dun) iaitu Dun Batu Tiga, Dun Andalas dan Dun Sri Muda.

“Setakat ini yang diper-setujui iaitu dua kolam di Sri Sentosa akan dibina bagi mengatasi masalah



limpahan air dari Sungai Rasau yang akan mula dibina pada bila-bila masa sahaja,” katanya kepada *Sinar Harian*.

Sementara itu, beliau berasa kesal dengan dakwaan sesetengah pihak menuduh pihaknya tidak berusaha mengatasi masalah banjir yang melanda Klang sejak akhir-akhir ini disebabkan fenomena *Astromical Tide*.

Shuhaimi berkata, tuduhan tersebut adalah tohmahan jahat yang sengaja ditimbulkan pembangkang untuk memburukkan reputasi Adun di tiga kawasan terlibat.

“Kami ingin menjelaskan bahawa dakwaan itu

“ Kita telah mengenal pasti 11 kawasan kerap dilanda banjir melibatkan tiga Dewan Undangan Negeri (Dun) iaitu Dun Batu Tiga, Dun Andalas dan Dun Sri Muda.”

Shuhaimi

tidak benar sama sekali kerana Kerajaan Negeri prihatin dengan masalah dihadapi rakyat.

“Ini terbukti dengan terlaksananya empat projek naik taraf sistem saliran melibatkan keseluruhan kos RM710,000 di mana satu siap pada Julai lalu manakala tiga yang lain pada September lalu meliputi kawasan berdekatan Johan Setia dan Jalan Kebun,” katanya.

Berikutan kejadian banjir Jumaat lalu yang menjejaskan penduduk di Johan Setia dan Bandar Puteri, katanya, JPS Klang sedang melaksanakan kerja korek parit sepanjang Jalan Pandamar dan Jalan Rojjan.